

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 15 JUN 2015, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 33

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1332-L68863
Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-
 - (a) senarai pertikaian sempadan antarabangsa yang masih di peringkat perundingan; dan
 - (b) apakah langkah Kementerian dalam menyelesaikan konflik ini secara diplomasi tanpa menjelaskan hubungan baik dengan negara-negara jiran.
2. PR-1332-L68593
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan keupayaan kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk memastikan kuantiti perkhidmatan perubatan serta latihan kepada doktor pelatih tidak menurun, berikutan pemotongan bajet sebanyak RM120 juta kepada Pusat Perubatan tersebut.
3. PR-1332-L69481
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kedudukan Malaysia dalam Laporan Daya Saing Global atau Global Competitiveness Report yang terkini, serta apakah langkah-langkah Kementerian untuk terus mengukuhkan daya saing dan kedudukan negara sebagai destinasi pilihan bagi perdagangan dan pelaburan dalam kalangan pelabur tempatan dan asing.
4. PR-1332-L69262
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Tol Batu Tiga dan Tol Sungai Rasau di Lebuh Raya Persekutuan.

5. PR-1332-L68026
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha dan rancangan terkini pihak Kementerian untuk membantu pekebun kecil kelapa sawit dan getah di sekitar kawasan Baram.
6. PR-1332-L68892
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejauhmanakah pembangunan semula Kampung Baru Kuala Lumpur akan melibatkan dan menarik penyertaan rakyat bukan Bumiputera dari segi perumahan dan perniagaan supaya selaras dengan dasar penyusunan semula masyarakat di Negara ini.
7. PR-1332-L67942
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar adanya peniaga yang tidak merekodkan jualan mereka dan apakah bentuk tindakan yang telah dijalankan.
8. PR-1332-L68110
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan menaiktaraf sekolah atau kelas-kelas di sekolah kebangsaan yang kini semakin ramai jumlah pelajar didalam sebuah kelas.
9. PR-1332-L67828
Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah tindakan Kementerian untuk mengawal pembedahan plastik secara haram di Pusat Kecantikan berikutnya tiada elemen penguatkuasaan dalam Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737).
10. PR-1332-L69420
Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
 - (a) bilangan kes-kes Inkues yang melibatkan kematian dalam tahanan Polis mengikut pecahan negeri untuk tempoh masa 1991 hingga 1995, 1996 hingga 2000, 2001 hingga 2005, 2006 hingga 2010, 2011 hingga 2015 (sehingga 15 Mei 2015) secara terperinci; dan
 - (b) berdasarkan data dan statistik di atas, bilangan kes di mana anggota polis di bawa ke mahkamah untuk dibicarakan bagi kesalahan menyebabkan kematian dalam tahanan untuk tempoh masa 1991 hingga 1995, 1996 hingga 2000, 2001 hingga 2005, 2006 hingga 2010, 2011 hingga 2015 (sehingga 15 Mei 2015) secara terperinci.

11. PR-1332-L67557
Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mendorong usaha masyarakat setempat yang melaksanakan sistem TAGAL atau BOMBON demi kelestarian sungai-sungai di Sabah.
12. PR-1332-L69305
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi mengatasi jenayah siber yang semakin berleluasa apatah lagi dakwaan pencipta perisian antivirus Rusia, Kaspersky bahawa Malaysia merupakan antara 10 negara paling kerap digodam pada 2014.
13. PR-1332-L67984
Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keperihatinan dan keterbukaan mengenai derma organ di Malaysia masih rendah. Ramai yang percaya organ yang diambil itu menjadikan jenazah tidak sempurna. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menerangkan perkara tersebut, berapa peratuskah yang setuju menjadi penderma organ, dan berapa peratuskah yang sebenarnya telah menderma.
14. PR-1332-L68331
Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis-jenis program kawalan vektor seperti semburan racun nyamuk (fogging) untuk membasmi nyamuk Aedes dan sebagainya di setiap daerah di Sabah terutamanya Kota Kinabalu memandangkan Kota Kinabalu mencatatkan peningkatan sehingga 1055% kes Deman Denggi. Nyatakan juga jumlah peruntukan tahunan bagi setiap program tersebut sejak 2010.
15. PR-1332-L68291
Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ke atas proses pengesahan hak milik harta intelek agar ianya dapat dipercepatkan. Dalam tempoh proses pengesahan dari IPO, harta intelek ini terdedah kepada risiko untuk dicuri/dicetak rompak.
16. PR-1332-L69266
Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kesesakan lebuhraya PLUS sering berlaku terutama ketika kemalangan, kadang-kadang memakan masa lebih sejam, apakah SOP PLUS untuk menyuraikan kesesakan trafik kerana kerugian petrol dan tol ditanggung oleh pengguna.
17. PR-1332-L67733
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian selaras dengan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) yang diluluskan di Parlimen baru-baru ini dalam menangani puak-puak pelampau dalam kalangan masyarakat sebelum kegiatan mereka ini bertukar menjadi ancaman serius kepada keamanan dan kestabilan negara.

18. PR-1332-L69102
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Kerajaan Persekutuan gagal untuk mencapai keharmonian kaum dan agama di Semenanjung, seperti keharmonian kaum dan agama yang dinikmati oleh rakyat Sarawak.
19. PR-1332-L69008
Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji persempadanan semula bagi daerah pendidikan PPD yang besar mengambil kira jumlah sekolah dan jumlah pelajar yang sesuai untuk sistem penyampaian yang lebih baik dan sistematik.
20. PR-1332-L68502
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa Sekolah SJKC Bukit Serdang masih belum dibuka lagi dan bilakah ianya akan beroperasi nanti.
21. PR-1332-L68091
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membaiki kerosakan jambatan nelayan di kampung tradisi Kampung Pasir Gogok yang panjangnya 200 meter dimana ianya telah usang dan rosak serta tidak lagi selamat untuk digunakan oleh penduduk atau nelayan tempatan.
22. PR-1332-L68465
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pertumbuhan negara sedang bergerak ke arah yang akan berdepan dengan krisis ekonomi berikutan kejatuhan rizab antarabangsa dan nilai Ringgit.
23. PR-1332-L68160
Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula had cukai pendapatan rakyat dan juga mengkaji untuk meningkatkan had minima yang kena bayar cukai memandangkan dewasa ini kos kehidupan meningkat dengan banyaknya.
24. PR-1332-L69164
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tarikh akhir yang diberi kepada syarikat-syarikat telco supaya menurunkan harga subskripsi internet jalur lebar (broadband) mengikut dasar baru yang diumumkan oleh Menteri pada 15 April 2015 (<http://www.nst.com.my/node/80625>). Bagaimanakah Kementerian dapat memastikan pengguna broadband yang sedia ada dapat menikmati penurunan harga tersebut secara automatik tanpa perlu membuat permohonan seperti dilaporkan dalam media.

25. PR-1332-L68680
Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah jumlah bilangan kampung untuk dimajukan di bawah Program Desa Lestari pada tahun akan datang dengan mengambil kira pertambahan dan peruntukan untuk menjayakan program ini.
26. PR-1332-L69184
Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
(a) adakah terdapat penemuan baru bagi mengatasi masalah wabak denggi; dan
(b) sejauhmanakah kaedah semburan Outdoor Residual Spray (ORS) memberi kesan positif bagi mengatasi masalah denggi.
27. PR-1332-L67772
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat sekarang, berapa banyak syarikat-syarikat yang beroperasi di negara ini yang sudah berdaftar untuk Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST).
28. PR-1332-L69450
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah aduan dan maklum balas yang diterima sejak bermulanya pelaksanaan cukai GST dan sejauh manakah kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap pelaksanaan cukai baru GST dan apakah kayu pengukurnya.
29. PR-1332-L67791
Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah individu yang telah gagal ujian saringan HIV untuk perkahwinan dan daripada jumlah itu berapa banyak yang tetap meneruskan perkahwinan selepas melalui khidmat kaunseling yang disediakan.
30. PR-1332-L67876
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa 24 orang yang ditangkap di Pejabat Kastam Kelana Jaya pada 23 Mac 2015 direman selama dua hari tetapi langsung tidak disiasat oleh polis dalam masa reman yang diluluskan oleh Majistret.
31. PR-1332-L69004
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah masalah yang sebenarnya menyebabkan kelewatan pelaksanaan semula pembinaan Fasa 2 dan kelewatan pembinaan Fasa 3 yang sakit untuk Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai/ Pengkalan Rejab/ Sungai Poyan.

32. PR-1332-L69488
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
- apakah objektif Program Subsidi Beras Super Tempatan 15 Peratus Hancur (ST15) yang diperkenal dan dilaksanakan sejak tahun 2008; dan
 - apakah ketelusan kaedah pelaksanaan dan pemantauan pengagihan kuota subsidi beras ST15 di seluruh negara terutamanya di negeri Sarawak.
33. PR-1332-L68956
Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan di ambil keatas peniaga-peniaga yang mengenakan caj cukai GST kepada pengguna-pengguna walaupun tidak ada lesen pendaftaran yang membolehkan mereka mengutip cukai GST.
34. PR-1332-L69080
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pindaan gaji minimum dikaji semula sesuai dengan keadaan sekarang.
35. PR-1332-L68729
Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada caj 'biasa' antara 1% hingga 1.5% ke atas kuantum kad kredit yang dikenakan oleh sesetengah penjual ke atas mana-mana pembelian yang menggunakan kad kredit adalah sah di sisi undang-undang ataupun tidak dan apakah tindakan yang bakal dikenakan ke atas penjual yang mengenakan caj tersebut.
36. PR-1332-L69244
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pencapaian Gelombang Pertama (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam mengubah sistem yang memberi sokongan kepada guru dan penekanan kepada kemahiran teras.
37. PR-1332-L67509
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan punca air bagi loji-loji air seluruh negara adalah bersih, selamat dan tidak tercemar oleh air buangan dari kilang-kilang perindustrian dan sebagainya, termasuklah cara mengesan punca pencemaran dan tindakan yang boleh diambil terhadap pihak-pihak yang mencemarkan punca air.
38. PR-1332-L68877
Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja Menaik Taraf Lebuh Raya Pasir Gudang Fasa 2 akan dimulakan.

39. PR-1332-L68944
Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejak Januari lalu berapa banyak dadah yang dirampas dan pengedar yang ditahan di KLIA serta apakah langkah dilakukan bagi memastikan Malaysia tidak menjadi transit pengedaran dadah.
40. PR-1332-L68022
Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-
- (a) berapa nilai pegangan ekuiti Bumiputera dalam IPP; dan
 - (b) senaraikan nama-nama rakan kongsi Bumiputera dalam setiap Janakuasa Bebas IPP tersebut.
41. PR-1332-L68556
Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian ada merangka pelan tindakan bagi memperbesarkan hospital di Machang dan menambah kelengkapan yang sedia ada kerana hospital Kuala Krai dan Tanah Merah terkepung akibat banjir dan hospital yang berhampiran adalah Machang.
42. PR-1332-L68175
Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah sebenarnya konsep 'Youth City' seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2015 dan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakannya di Kelantan.
43. PR-1332-L67572
Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan penumpang yang menggunakan KLIA2 sejak pembukaannya serta penumpang yang menggunakan KLIA serta langkah yang diambil bagi mengelakkan persaingan antara kedua-dua lapangan terbang ini.
44. PR-1332-L69384
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah impak ke atas jumlah nilai import dan eksport Malaysia akibat dari kemerosotan nilai mata wang baru-baru ini.
45. PR-1332-L68395
Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimakah mengkategorikan barang-barangan yang Zero-Rated Items di bawah pelaksanaan GST. Adakah barang-barangan yang mempunyai persamaan isi kandungan seperti 'MEE KOLOK' dan 'MEE KUNING' dikategorikan Zero-Rated Items.

46. PR-1332-L67697
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan projek-projek dan perjanjian usahasama dalam Teknologi Hijau yang berjaya dilaksanakan selepas Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eco (IGEM 2014) dilaksanakan.
47. PR-1332-L68545
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada pihak Kementerian akan membuka semula permohonan lesen/permit nelayan pesisiran pantai memandangkan Kementerian melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak telah membekukan permohonan itu di Sarawak buat masa sekarang.
48. PR-1332-L69052
Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Pejabat Imigresen George Town yang terletak di Lebuh Pantai, Pulau Pinang dapat diperbesarkan atau ditempatkan semula memandangkan premis tersebut terlalu kecil dan sempit dan mengakibatkan ketidakselesaan terhadap rakyat setempat.
49. PR-1332-L68906
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan sehingga Mac 2015 berapa jumlah peminjam PTPTN yang melangsaikan hutang pinjaman dan mendapat potongan sebanyak 20% dan adakan pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan potongan diskau sebanyak 20% kepada peminjam sekurang-kurangnya sehingga Disember 2015 ini.
50. PR-1332-L69283
Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengeluarkan golongan 'Mak Nyah' di Lorong Haji Taib, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada kancang kehidupan sedia ada kepada suatu suasana kehidupan yang lebih bermoral.
51. PR-1332-L68533
Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pada sesi Parlimen bulan Mac 2015, Kementerian menyatakan bahawa Kementerian telah membatalkan beratus lesen bot nelayan asing tetapi pihak nelayan di Pantai Timur telah menyatakan sejak bulan Februari 2015, lebih banyak bot Vietnam, khususnya memasuki perairan Malaysia. Kenapakah kenyataan Kerajaan tidak mencerminkan situasi sebenarnya di pantai timur seperti dilaporkan oleh nelayan-nelayan sendiri.
52. PR-1332-L69457
Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilancarkan sejak 1 April 2015 lalu, bagi kos sara hidup golongan berpendapatan rendah, menengah rendah, menengah atas dan mewah.

53. PR-1332-L69400
Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengekang jenayah siber dalam usaha mengesan ancaman dan kegiatan pengganas serta militan melalui jaringan sosial dan sejauh manakah Kerajaan bekerjasama dengan Polis Antarabangsa (INTERPOL) dalam aspek perkongsian maklumat dan pemantauan media sosial seterusnya menangkis propaganda kumpulan militan ini.
54. PR-1332-L69419
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini golongan muflis muda dan apakah usaha Kerajaan bagi membendung masalah kadar muflis muda (iaitu golongan berumur 25 tahun ke bawah) yang semakin meningkat setiap tahun.
55. PR-1332-L67656
Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada boleh atau tidak had kelajuan di lebuh raya ditingkatkan dari 110km/jam kepada 130km/jam memandangkan cadangan kelajuan 150km/jam tidak dipersetujui dan berpandukan kepada jawapan Kementerian bahawa lebuh raya di negara ini dibina untuk menampung kelajuan 140km/jam.
56. PR-1332-L67757
Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-
- (a) apakah masih ada kursus-kursus yang ditawarkan di universiti tempatan yang masih belum lagi menerima sijil pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan nyatakan bilangan kursus berserta nama kursus tersebut; dan
 - (b) apakah prosedur yang diperlu dilalui oleh pihak universiti bagi memohon pengiktirafan kursus yang ditawarkan daripada pihak MQA dan berapa lamakah proses ini diambil dan setelah diluluskan, apakah status kelulusan sijil para pelajar yang telah tamat pengajian sebelum kursus yang diikuti mereka menerima pengiktirafan MQA.
57. PR-1332-L67611
Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) di Bandar Baru Lipis akan dilaksanakan dan dijalankan memandangkan KKIA yang ada terlalu sempit dan tanah untuk pembangunan oleh Kerajaan negeri juga telah disediakan.
58. PR-1332-L68132
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada siasatan telah dijalankan oleh Bank Negara Malaysia terhadap kes aduan penipuan program pelaburan kayu Agarwood anjuran syarikat tetuan My Cameron Hills Sdn. Bhd. yang telah dilaporkan oleh Encik Liew Vui Fui pada 20 November 2014 dan perkembangannya. Jika tidak, apakah sebabnya siasatan tidak dijalankan.

59. PR-1332-L68622
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana Kerajaan berjaya menghasilkan agen anti cancer, anti-inflammatory, anti-microbial, anti-diabetic dan anti-dengue daripada herba tempatan melalui kewujudan Majlis Pembangunan Herba Negara (MPHN) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) yang mana bertanggungjawab mempromosikan penyelidikan perubatan tradisional dan herba untuk digunakan oleh pesakit berkaitan.
60. PR-1332-L67540
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mendorong universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan memberi tumpuan yang lebih luas bukan sahaja dalam aspek penyampaian ilmu pada peringkat pengajian tinggi, tetapi juga aspek pembentukan graduan bersahsiah tinggi dan seimbang.
61. PR-1332-L68412
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung lesen pengangkutan awam negeri sebagai langkah mengurangkan kesesakan di negeri ini. Adakah Kerajaan Pusat bersedia menjalankan projek LRT dan MRT sebagaimana dijanjikan. Sekiranya ditolak, apa sebabnya.
62. PR-1332-L67747
Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menyiapkan jalan akses ke Empangan Hidroelektrik Baleh. Jalan ini merupakan perhubungan darat yang sangat penting bagi menggantikan jalan air iaitu Batang Baleh yang digunakan selama ini.
63. PR-1332-L68801
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membina sebuah 'full fledged university' di Labuan yang bertaraf antarabangsa. Wilayah Persekutuan Labuan sepatutnya dilihat sebagai pusat pembangunan dan pusat ilmu oleh rakyat Malaysia di rantau ini.
64. PR-1332-L69231
Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor yang menentukan harga petrol dan usaha-usaha Kerajaan untuk menyeragamkan harga petrol domestik dan harga petrol pasaran dunia.
65. PR-1332-L68908
Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempertingkatkan kawal selia dan pemantauan khusus dalam aspek penyelenggaraan helikopter milik persendirian mahupun swasta agar perkhidmatan yang disediakan benar-benar selamat untuk digunakan.

66. PR-1332-L68963
Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah matlamat Kementerian menjalankan pelajaran Cambridge level mengikut sukanan pelajaran GCE di United Kingdom dalam bahasa Inggeris di beberapa Maktab Sains Rendah MARA.
67. PR-1332-L68226
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
- (a) baru-baru ini ekoran banjir yang luar biasa telah menyebabkan kemasuhan yang besar. Oleh sebab itu, adakah Kementerian membuat kajian semula untuk membesarkan empangan-empangan yang sedia ada; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang membina empangan baru di kawasan berisiko tinggi banjir dan sejauh manakah Kerajaan Negeri dapat membantu bagi mengatasi masalah berkenaan.
68. PR-1332-L68776
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengadakan skim sewa-beli ke atas PBR atau PBRT kepada rakyat Sabah terutamanya golongan miskin.
69. PR-1332-L67999
Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bahawa pada tahun 2006, Kementerian telah melancarkan program Angkasawan Negara dan pada tahun 2007, Malaysia telah menghantar Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ke angkasa lepas. Setelah 9 tahun program tersebut dilancarkan, sejauh manakah sumbangan program tersebut kepada peningkatan program angkasa lepas negara dan apakah hasil daripada program tersebut.
70. PR-1332-L67669
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah akta khusus untuk mengawal penyalahgunaan ketum akan dibentangkan setelah pembentangan di bawah Akta Dadah Berbahaya yang lepas ditarik balik. Apakah Kementerian akan mengambil kira isu-isu yang dibangkitkan dalam perbahasan yang lepas.
71. PR-1332-L68573
Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berkenaan kemampuan Malaysia menangani ancaman 'cybersecurity' mutakhir ini. Apakah ada insiden di mana keselamatan siber kita diancam oleh mana-mana pihak yang berkepentingan.

72. PR-1332-L69069
Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan dalam memulihkan ekonomi Negara serta apakah langkah yang sedang dirangka dalam meyakinkan rakyat tentang kemampuan Kerajaan untuk memulihkan ekonomi Malaysia.
73. PR-1332-L67917
Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan ingin memperluaskan Perniagaan Renminbi (RMB) setelah Bank of China telah dipilih sebagai bank penjelasan di Malaysia. Apakah keberhasilan dan manfaat yang akan diperolehi oleh peniaga di Malaysia
74. PR-1332-L68522
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kilometer landasan kereta api yang telah dibaiki di Kelantan akibat kerosakan banjir. Berapakah jumlah yang telah diperuntukkan dan telah diguna pakai.
75. PR-1332-L68032
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengenai 10% caj perkhidmatan (servis) yang dikenakan kepada pengguna walaupun terdapat GST. Adakah jumlah 10% ini boleh dikurangkan.
76. PR-1332-L68413
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dibelanjakan oleh Bank Negara untuk mempertahankan nilai mata wang ringgit. Adakah ini sebab jumlah Rizab Asing Negara (nyatakan jumlah) telah turun dan apakah 'threshold' yang ditetapkan untuk nilai ringgit. Adakah kadar nilai akan dibekukan seperti 1998 sekiranya nilai ringgit terus turun.
77. PR-1332-L69250
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mencadangkan kepada OIC untuk mewujudkan badan seperti Majlis Keselamatan PBB memandangkan begitu banyak masalah keganasan dan perperangan yang berlaku sekarang di dalam dan diantara negara-negara anggota OIC.
78. PR-1332-L68127
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada ia sedang menyiasat laporan akhbar media Nepal yang menyatakan bahawa pekerja Nepal telah didera oleh pegawai imigresen di pusat-pusat tahanan di Malaysia dan sama ada kegagalan untuk menyiasat laporan sebegini akan menjaskan imej Malaysia di kalangan orang Nepal.
79. PR-1332-L68659
Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diagihkan kepada seluruh IPTA bagi membayai kos operasi setiap tahun.

80. PR-1332-L67605
Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar hutang seseorang yang boleh diisyiharkan muflis daripada kadar sekarang kepada kadar yang baru.
81. PR-1332-L69199
Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kerajaan mengkaji dan menggubal sistem perkhidmatan kesihatan kepada warga emas, agar rawatan kesihatan kepada mereka dikenakan 'zero cost' atau terhampir dengannya. Ini adalah untuk menghargai sumbangan bakti mereka kepada negara hingga apa yang dikehendaki oleh generasi kini adalah atas titik peluh dan perkhidmatan mereka.
82. PR-1332-L67577
Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan perlaksanaan Program Perumahan Rakyat dan apakah perancangan dalam masa 5 tahun akan datang di kawasan Parlimen Batu Sapi (P185).
83. PR-1332-L69363
Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) Pelan Transformasi Ekonomi Negara yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan membina keadilan sosial secara mapan bagi mewujudkan masyarakat yang makmur dan inklusif; dan
 - (b) setakat mana Pelan Transformasi Ekonomi Negara terlaksana ke arah penghapusan jurang ketidakseimbangan pencapaian ekonomi antara kumpulan etnik, antara generasi, antara gender, antara luar bandar dan bandar, dan antara wilayah demi menghasilkan corak pengagihan dan pencapaian yang saksama.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air**
 - * Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2015
2. **Menteri Pengangkutan**
 - * Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2015
3. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**
 - * Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2015
4. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**
 - * Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2015
5. **Menteri Dalam Negeri**
 - * Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2015
6. **Menteri Pertahanan**
 - * Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2015

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

merestui usaha Kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam merangka dan merencana Rancangan Malaysia Ke-11 seterusnya;

meluluskan pelaksanaannya bertunjangkan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, menurut Kertas Perintah 23 Tahun 2015; dan

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ke-11, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.”

Menyambung semua Perbahasan atas masalah [11 Jun, 2015]

- | | | | |
|--|----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 18/2015) | Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015- Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (20 Mei, 2015) | |
| [Menteri Dalam Negeri] | | | |
| 3. | (D.R. 19/2015) | Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| [Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani] | | | |
| 4. | (D.R. 20/2015) | Rang Undang-undang Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015 | “ |
| [Menteri Kewangan] | | | |

5. (D.R. 9/2015) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 “

[Menteri Dalam Negeri]

6. (D.R. 12/2015) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

7. (D.R. 24/2014) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014 “

[Menteri Kesihatan]

8. PR-1332-U67740

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, terdapat rungutan-rungutan di kalangan rakyat Negeri Sabah dalam beberapa isu yang mereka fikirkan bahawa hak mereka, seperti yang dijanjikan dan terkandung dalam Perjanjian Malaysia 1963 telah dicabuli atau tidak diendahkan. Dan mengambil maklum juga, antara isu utama yang disuarakan dalam rungutan ini adalah kebanjiran pendatang asing ke Negeri Sabah dan ditambah buruk pula dengan pemberian status warganegara kepada mereka ini. Dan mengambil maklum juga bahawa, Para Pilihan raya Umum Ke-13, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai dengan pemberian Kewarganegaraan kepada pendatang asing tanpa izin di Negeri Sabah. Dan mengambil maklum juga bahawa, Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini telah pun dibentangkan ke Parlimen tetapi sehingga kini rakyat masih tertanya-tanya apakah tindakan yang telah diambil ke atas hasil siasatan suruhanjaya ini. Dalam hal ini, Kerajaan hendaklah memandang serius akan kesan dan implikasi ketidakpuasan hati rakyat negeri Sabah dalam hal ini. MAKA, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, Kerajaan hendaklah segera mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang didapati bersalah dalam isu ini serta mengambil tindakan yang wajar bagi memulihkan kepercayaan rakyat Negeri Sabah kepada kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk mempertahankan kedaulatan negara termasuklah mengeluarkan kad pengenalan baru bagi penduduk negeri Sabah yang tulen."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1332-U67741

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, kepadatan penduduk dan jumlah kenderaan yang keluar masuk ke kawasan Bandaraya Kota Kinabalu telah meningkat secara mendadak sekali. Dan mengambil maklum juga, kesesakan jalan raya ke Bandaraya Kota Kinabalu telah menjadi serius sehingga menjadi rungutan bukan sahaja penduduk setempat malah juga dari kalangan pelancong dalam dan luar negara. Dan mengambil maklum juga bahawa, seperti bandar-bandar lain yang telah membangun, Bandaraya Kota Kinabalu juga memerlukan satu Sistem Pengangkutan Awam yang efisien, seperti Sistem Aliran Ringan atau Light Rail Transit (LRT) bagi mengatasi masalah di atas. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan yang mulia ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa satu system aliran ringan atau light rail transit hendaklah dibina melalui kaedah private finance initiate bagi menghubungkan Bandaraya Kota Kinabalu dengan kawasan sekitarnya."

[Perdana Menteri]

10. PR-1332-U69065

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa segala siasatan dan pendakwaan di bawah Akta Hasutan 1948 terhadap wakil-wakil rakyat, termasuk juga pemimpin-pemimpin parti politik perlu diberhentikan atau digugurkan dengan serta-merta selaras dengan prinsip-prinsip demokrasi yang melindungi kebebasan berucap seseorang rakyat selagi ucapannya tidak menyentuh empat perkara iaitu Institusi Raja, Artikel 152 dan 153 Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan dan hak-hak istimewa Melayu dan hak-hak kerakyatan."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1332-U67694

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa banjir telah melanda di beberapa negeri pada baru-baru ini, di mana harta benda rakyat telah dimusnahkan dan banyak nyawa telah terkorban. Dalam keadaan ini Dewan ini mengarah Perdana Menteri supaya mengambil strategi jangka masa panjang untuk mengatasi masalah ini dengan segera."

[Perdana Menteri]

12. PR-1332-U68783

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan faktor-faktor yang menyebabkan gerakan militan di Malaysia."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1332-U68787

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah untuk mengatasi pelbagai masalah disebabkan pelaksanaan GST."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1332-U69257

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] akan mencadangkan:-

"Menyedari Bahawa masih terdapat lebih kurang 3,000 orang kakitangan kerajaan yang bergaji di bawah RM850.00 sebulan. Justeru itu Kerajaan diminta untuk menaikkan gaji kakitangan tersebut ke paras melebihi gaji minima negara."

[Perdana Menteri]

15. PR-1332-U69487

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] akan mencadangkan:-

"Memandangkan satu bencana banjir yang amat luar biasa telah berlaku pada bulan Disember 2014 di Kelantan yang mengakibatkan kerosakan harta benda yang besar dan memusnahkan sekitar 2000 buah rumah kediaman; Memandangkan bahawa bencana alam adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat; dan Memandangkan bulan Ramadhan akan bermula pada 18 Jun 2015, maka Dewan ini mempertimbangkan dengan segera untuk memastikan Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Kelantan menyiapkan pembinaan rumah-rumah mangsa banjir ini disiapkan sebelum 18 Jun 2015."

[Perdana Menteri]

16. PR-1332-U67593

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, terdapat ketidak cekapan Kementerian Pendidikan dalam mengurus asetnya di mana puluhan unit kquarters di Taman Semarak, Sg Petani ditinggal terbiar, tidak didiami dan telah menjadi sarang penagih dadah. Jika aset ini tidak diselamatkan ianya akan membawa kerugian kepada Kerajaan dan maruah Kementerian akan tercemar. Tindakan serta merta mesti diambil untuk selamatkan aset-aset ini."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1332-U67594

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, kebolehan berbahasa Inggeris dikalangan pegawai-pegawai Kumpulan A, Perkhidmatan Awam Malaysia makin menurun. Pihak Kerajaan mestilah mengambil tindakan drastik bagi memperbaiki keadaan dengan memberikan kursus-kursus intensif kepada mereka. Kerajaan juga mesti memastikan Pegawai-pegawai Kumpulan A melalui kursus wajib Bahasa Inggeris yang mesti di adakan di INTAN atau manapun institusi pengajian tinggi."

[Perdana Menteri]

18. PR-1332-U67595

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, terdapat masalah yang dihadapi oleh pengguna kenderaan bagi mendapatkan lesen memandu bila mereka gagal dalam ujian berkomputer. Kerajaan harus mengkaji semula adakah syarat wajib lulus ujian berkomputer ini masih sesuai dan relevan memandangkan kos yang makin meningkat semasa mengambil ujian ini dan walau pun lulus ujian berkomputer kemalangan jalan raya masih tidak berkurangan."

[Menteri Pengangkutan]

19. PR-1332-U69440

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murah (cheap liquor) secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gejala pengambilan arak murah ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan pengsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu, kawalan dan penyeliaan terhadap kedai-kedai menjual arak perlu dikenakan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji."

Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minum arak wajib diharamkan. Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat Pemulihan Arak (PPA) di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama."

[Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

20. PR-1332-U69441

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis DiRaja Malaysia, keluarga si mati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh Pakar Perubatan Forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga si mati semasa bedah siasat dijalankan".

[Menteri Dalam Negeri]

21. PR-1332-U69442

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gegala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

[Menteri Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

| <u>TAHUN 2015</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|-----------------------|---|--------------------------------|
| CMD. 24 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD.25 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 26 | Maklum Balas Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2014 Aktiviti Kementerian/Jabatan serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan serta Pengurusan Syarikat Subsidiari. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 27 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 28 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 29 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 30 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 31 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan 4 Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 32 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 33 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Siri 2. | 15 Jun 2015 |

| | | |
|---------|---|-------------|
| CMD. 34 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 35 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 36 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 37 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 2. | 15 Jun 2015 |
| CMD. 38 | Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Siri 2. | 15 Jun 2015 |

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

| Tarikh Ucapan | Ahli Yang Berucap | Tajuk Ucapan | Menteri Yang Bertanggungjawab |
|----------------------|--|---|-------------------------------|
| 1. 15.6.2015 (Isnin) | 1. YB. Tuan Tony Phua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara) | 1. Pinjaman Bank Exim kepada 1MDB. | 1. YAB Menteri Kewangan |
| 2. 15.6.2015 (Isnin) | 2. YB. Tuan Stephen Wong Tien Fatt (Sandakan) | 2. Persoalan tentang masalah wang caruman bekas pekerja Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah sebanyak RM5,822,494.82 yang ditahan oleh KWAP. | 2. YAB Menteri Kewangan |